

**ENAKMEN 7 TAHUN 2002
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

**BAHAGIAN VI - KEWANGAN
Baitulmal dan Tatacara Kewangan Majlis**

Seksyen 78. Peletakhakan harta wakaf, nazr dan amanah pada Majlis.

Semua harta yang tertakluk kepada seksyen 77 hendaklah tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan hakmilik, dan, dalam hal harta tak alih, sebaik sahaja didaftarkan di bawah undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah, terletak hak pada Majlis, bagi maksud wakaf, nazr 'am atau amanah yang menyentuh harta itu.
